

8 JAN 1996

Khalil-Pilihan raya

CALON BN BAGI PILIHAN RAYA KECIL LIPIS DIUMUM SEBELUM PENAMAAN CALON

KUANTAN, 8 Jan (Bernama) -- Barisan Nasional akan mengumumkan nama calonnya untuk pilihan raya kecil Parlimen kawasan Lipis pada satu atau dua hari sebelum penamaan calon.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob selaku Pengerusi BN Negeri hari ini berkata, beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memaklumkan nama calon yang dicadangkan.

Katanya, lima nama yang dicadangkan itu merupakan tokoh-tokoh berwibawa yang dipilih atas persetujuan UMNO bahagian Lipis sendiri.

Beliau menambahkatakan, jentera BN negeri telah bersedia menjalankan tugas untuk memastikan kejayaan BN pada pilihan raya kecil itu kelak.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini menetapkan 15 Jan sebagai tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu dan pengundian akan dijalankan pada 27 Jan jika ada pertandingan.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Anggota Parlimen Lipis, Datuk Abu Dahari Osman pada 29 Dis kerana barah usus. Pada pilihan raya umum April lepas, beliau menewaskan Ahmad Shabery Chik dari Parti Melayu Semangat 46 dengan majoriti 10,113 undi.

Sementara itu, Pemuda Umno Pahang akan menggerakkan kira-kira 3,000 anggotanya sebagai penggempur dalam kempen pilihan raya Kecil itu.

Ketua Pemuda Umno Pahang, Datuk Shahiruddin Moin hari ini berkata, selain itu, beliau dimaklumkan oleh Pergerakan Pemuda Umno pusat bahawa Pemuda Umno setiap negeri akan menghantar antara 300 dengan 500 anggota untuk membantu semasa kempen itu.

Beliau berkata, tumpuan diberikan kepada kawasan-kawasan berhampiran Gua Musang dan Cameron Highlands.

Di Mentakab, Pengerusi Perhubungan MIC Pahang, R. Sinnathamby pula berkata, MIC Negeri akan menggerakkan tenaga anggotanya seramai 5,000 di sekitar Lipis dan Cameron Highlands bagi menentukan kemenangan BN.

Semasa ditemui pemberita selepas bermesyuarat dengan Perhubungan MIC Negeri di sini, beliau berkata bilik-bilik gerakan MIC juga dibuka bagi menyediakan daftar pengundi selain memberi ceramah dan penerangan berhubung pembangunan terutama di kawasan Lipis.

Katanya, parti itu juga akan melancarkan kutipan derma bagi mengisi tabung pendidikan masyarakat India di Pahang bagi membantu pelajar miskin melanjutkan pelajaran sehingga ke universiti.

Beliau berharap dapat mengutip sehingga RM300,000 bagi mengisi tabung itu yang akan dilancarkan tidak lama lagi. -- BERNAMA